



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**PROGRAM PENYERAHAN SIAP PROJEK MENGECHAT DEWAN DAN  
TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA DI DEWAN  
APARTMENT TAMAN SEREMBAN PUTRA, SIKAMAT SEREMBAN  
PADA 5 MAC 2023, AHAD JAM 11.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan Hanif Yusabra bin Yusuf

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan

Puan Zaiton binti Abu Hassan

Pengerusi Pertubuhan Solidariti Muafakat (SMART)

Encik Ab. Rahman bin Haji Maarof

Pengerusi Perbadanan Pengurusan Apartment Seremban Putra

Encik Fakhrul Radzi bin Md Zin  
Penyelaras DUN Sikamat

Yang Dihormati,  
Ahli-Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit  
Majlis Bandaraya Seremban

Dan seterusnya

Para hadirin sekalian

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dari-Nya dapat juga Program Penyerahan Siap Projek Mengecat Dewan dan Taklimat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di Dewan Apartment Taman Seremban Putra diadakan pada hari ini. Terima kasih diucapkan kepada YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita bagi memeriahkan lagi suasana dan seterusnya menyempurnakan majlis bersejarah pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa bertuah kerana majlis pada hari ini turut dihadiri oleh wakil daripada Unit Keselamatan Jalan Raya dan Korporat, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan, wakil daripada Pejabat DUN Sikamat dan wakil Pertubuhan Solidariti Muafakat Rakyat (SMART). Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para hadirin yang turut hadir pada hari ini.

## **PEMBANGUNAN STRATA**

Para hadirin sekalian,

3. Salah satu daripada konsep pembangunan strata adalah melibatkan pembangunan perumahan yang kini semakin berkembang pesat di mana ia menyediakan pelbagai kemudahan harta bersama untuk kegunaan semua penghuni yang mendiami perumahan strata. Kehidupan di bangunan berstrata melibatkan perkongsian ramai penghuni dalam jumlah dan jurang profil yang luas berbeza seperti agama, bangsa, budaya, jantina, umur, pekerjaan, pendapatan dan sebagainya. Semua penghuni juga perlu berkongsi semua harta bersama (*common property*) seperti lif, tangga, koridor, padang permainan, kolam renang, tangki air, bumbung, paip kumbahan, bilik serbaguna dan lain-lain lagi. Hubungan sesama penghuni adalah bersifat simbiotik di mana pelaburan pembeli terikat dengan petak tersebut dan ianya tetap akan bergantung kepada penyelesaian secara kolektif sesama pemilik-pemilik petak yang lain.

4. Kehidupan dalam harta tanah strata membawa maksud berkongsi sumber dan kemudahan yang ada. Kehidupan strata tidak sesuai bagi mereka yang mementingkan diri sendiri dan tidak mahu bergaul dalam komuniti. Ini adalah kerana ia memerlukan tanggungjawab bersama berkaitan yuran, penyenggaraan dan pengurusan bagi memastikan semua saling hidup dalam rukun dan damai.
5. Faktor yang paling penting dalam menjamin kualiti kehidupan di bangunan berstrata adalah tahap kesedaran dan keprihatinan setiap penghuni terhadap aspek kebersihan, keselesaan dan keselamatan serta aspek pengurusan yang cekap. Setiap penghuni perlu faham tentang kewajipan mereka bagi membayar caj penyenggaraan dalam tempoh yang ditentukan bagi memastikan urusan pentadbiran dan pengurusan dapat dijalankan dengan baik oleh pihak pengurusan. Semua pemilik berstrata juga diingatkan supaya sentiasa mematuhi apa-apa notis atau arahan yang diberikan atau dibuat oleh Majlis Bandaraya Seremban atau mana-mana pihak berkuasa awam.

Para hadirin sekalian,

6. Sebagai rekod, sehingga hari ini terdapat sebanyak 558 kawasan pemajuan berstrata dengan jumlah 44,238 petak dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Dengan anggaran seramai 3 orang mendiami setiap petak tersebut, maka sejumlah hampir 132,714 orang penduduk Seremban tinggal di bangunan berstrata. Jumlah tersebut menyumbang 21.03% daripada keseluruhan penduduk di Daerah Seremban yang direkodkan berjumlah 630,999

orang pada tahun 2020. Angka ini diperolehi daripada dapatan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

7. Merujuk *trend* pembangunan semasa dan penawaran tanah yang semakin terhad, pembangunan bertingkat telah menjadi salah satu pilihan kepada pemaju membangunkan tanah mereka secara optimum.
8. Sehubungan dengan itu, dengan kewujudan pembangunan sedia ada dan perancangan skim-skim strata yang semakin bertambah dan kompleks, tanggungjawab badan pengurusan adalah sangat mencabar di masa ini dan mendatang.
9. Menyedari hakikat itu, Majlis sedar tanggungjawab badan pengurusan seperti mengutip caj penyenggaraan, menyelaras insurans bangunan, menyenggara harta bersama berhadapan dengan kekangan kerjasama daripada pemilik-pemilik petak. Justerus itu, Majlis melalui fungsi-fungsi setiap jabatan akan bertindak membantu badan pengurusan.
10. Sebagai contoh, Jabatan Kejuruteraan dan Unit COB akan menyelaras permohonan peruntukkan penyenggaraan di bawah Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ini akan membantu khususnya skim kos rendah dan sederhana dalam menyenggara skim mereka melalui projek seperti mengecat, tukar bumbung dan tangki serta kerja-kerja pendawaian elektrik.

11. Untuk makluman para hadirin, pada tahun lepas sahaja Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Bandaraya Seremban telah memperuntukan berjumlah RM4,479,400.00 manakala daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM578,000.
12. Selain itu juga, pada tahun ini Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seremban akan menyalurkan geran RM7,000.00 berbanding RM5,000.00 pada tahun lepas, kepada skim kos rendah dan sederhana secara *one-off*. Geran ini sedikit sebanyak dapat menyuntik dana kepada skim-skim yang mana kantung kewangannya tidak mengizinkan. Syarat-syarat penyaluran dana tersebut akan dihebahkan tidak lama lagi.
13. Di kesempatan ini juga, saya berharap badan pengurusan dapat membantu Majlis khususnya dalam memberi kesedaran kepada pemilik untuk membayar Cukai Taksiran bagi membantu Majlis melancarkan lagi proses penyampaian dan servis kepada warga Bandar Raya.

## **PERTANDINGAN KOMUNITI BANDAR ZON HIJAU**

Para hadirin sekalian,

14. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Pertandingan Komuniti Bandar Zon Hijau COVID-19 pada tahun 2021 yang lalu. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk melaksanakan program Pemerkasaan Komuniti sebagai salah satu kaedah *bottom-up approach* dalam menghadapi Pandemik COVID-19. Selain itu, pertandingan ini adalah untuk memupuk nilai dan membina semangat kesukarelawan dalam kalangan komuniti perumahan berstrata.
  
15. Pertandingan ini secara langsung dapat memperlihatkan peranan pemimpin komuniti dalam mengamalkan gaya hidup norma baharu di peringkat komuniti. Perkara ini juga adalah selaras dengan objektif Dasar Komuniti Negara (DKomN) iaitu membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti dan bekerjasama antara jiran tetangga. Pertandingan ini adalah usaha kerajaan bersama dengan komuniti memerangai Pandemik COVID-19 dan memastikan masyarakat bebas jangkitan wabak tersebut.

## **OBJEKTIF**

16. Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk mewujudkan persaingan sihat antara komuniti bandar yang bertanding dalam pandemik COVID-19 dan sebagai pemangkin semangat kepada komuniti bandar dalam meneruskan usaha menghadapi pandemik COVID-19.
17. Pertandingan ini bermula pada 1 April 2021 sehingga 30 September 2021 dan terbuka kepada pengurusan strata jenis flat / pangsapuri / apartment kos sederhana rendah yang berada dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan kategori Majlis Perbandaran dan Majlis / Dewan Bandaraya seluruh negara. Penyertaan pula wajib bagi perumahan strata yang mempunyai rekod kes COVID-19 mulai Januari 2020 dan tergolong dalam zon kuning, jingga atau merah berdasarkan kepada data Bilik Gerakan COVID-19, Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **HADIAH**

Para hadirin sekalian,

18. Rentetan daripada itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan kerana telah memilih Apartment Seremban Putra sebagai juara dalam pertandingan ini. Untuk makluman YAB Dato' Seri, Perbadanan Pengurusan Apartment Seremban Putra telah memenangi dan menerima hadiah berjumlah RM50,000.00 dalam bentuk projek pembangunan fizikal di bawah skop baik pulih kemudahan dewan orang ramai. Hadiah ini semestinya untuk kemudahan bersama semua penduduk selain memberi nilai tambah kepada pihak badan pengurusan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan sewaan dewan kepada orang ramai. InsyaAllah.
19. Saya berharap kejayaan seumpama ini akan menjadi pemangkin dan menaikkan semangat bukan sahaja kepada MC Apartment Seremban Putra bahkan kepada JMB MC yang lain.

## **TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN PEMBUKAAN *BOOTH* PAMERAN**

20. Di samping itu, untuk makluman YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian, sebelah pagi tadi telah dijalankan suatu taklimat kesedaran keselamatan jalan raya. Antara perkara utama yang disentuh adalah berkenaan dengan tahap keselamatan pengguna jalan raya di persimpangan hadapan Apartment Seremban Putra. Hasil daripada taklimat dan perbincangan tersebut, Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan seperti berikut ;
- i. Mengadakan *tranverse bar* dan *rubber stripe* untuk mengurangkan kelajuan kenderaan ;
  - ii. Pemasangan *flexible post* ;
  - iii. Pemasangan *blinkers* untuk pemandu lebih berhati-hati ; dan
  - iv. Pemasangan lampu jalan di persimpangan bagi pencahayaan yang lebih baik.
21. Selain daripada itu, Majlis Bandaraya Seremban turut membuka kaunter Cukai Taksiran dan kaunter kompaun yang memberikan diskau sebanyak 70%. Saya berharap dengan tawaran istimewa yang diadakan pada hari ini dapat membantu masyarakat dan dalam masa yang sama melicinkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak MBS.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

22. Akhir kata, besarlah harapan saya agar program seumpama ini atau mana-mana program *engagement* dengan komuniti strata dapat diadakan dengan lebih kerap lagi untuk kita semua bersama-sama memacu Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
5 MAC 2023